



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	8/7/2018
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN



Seorang peminat cilik tertarik pada seekor burung jenis Sun Conure.



Burung jenis Sun Conure dan Lorikeet berusia empat bulan berharga RM1,200.

Rasa janggal bila duduk sahaja!

Pesara kerajaan pilih ceburi perniagaan haiwan peliharaan

MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

BUKIT BERUNTING

Sering kali kita mendengar ramai pesara penjawat awam atau swasta tidak boleh 'duduk diam' di rumah selepas menamatkan perkhidmatan.

Mungkin sudah terbiasa masa seaharian terisi dengan tugas terutama bagi mereka yang sudah berkhidmat lebih 30 tahun, maka janggal rasanya apabila tiada apa yang hendak dilakukan selepas bersara.

Seorang pesara kerajaan, Cheong Chow Kong, 61, antara individu yang lebih selesa menghabiskan masa pencennya dengan menceburi bidang perniagaan.

Chow Kong mula berjinak-jinak mengusahakan perniagaan menjual haiwan peliharaan dan makanan unggas bersama anaknya sejak tiga bulan lalu.

Permintaan tinggi

Beliau yang sebelum ini berkhidmat di Jabatan Kesihatan Kuala Kubu Bharu sebagai kerani mengusahakan kedai tersebut yang terletak di Adenium Bukit Berunting.

"Saya ada tiga anak lelaki dan salah seorang memang minat sangat dengan haiwan peliharaan seperti burung, ayam serama, anab dan banyak lagi.

"Dia yang mengajak saya buat bisnes menjual haiwan tersebut kerana mendapat permintaan tinggi dan rasanya, ini satu-satunya kedai di kawasan sini," kongsi Chow Kong.

Menurutnya, anaknya itu sebelum ini menjual makanan unggas terutama burung secara dalam talian selama lima tahun sebagai pendapatan sampingan.

"Dah terbiasa dengan dunia pekerjaan, jadi rasa tak boleh duduk saja tanpa buat apa-apa memandangkan anak semua dah besar dan ada kerja masing-masing," katanya lagi.

Menurut Chow Kong, kesibukan menguruskan kedai dapat mengisi masa persaraan di samping dapat membantu anak mengembangkan minat terhadap unggas.

Jaga seperti anak sendiri

Hampir RM100,000 dibelanjakan sebagai modal mengusahakan kedai haiwan yang mempunyai pelbagai jenis unggas dan lebih 70 jenis makanan import berkualiti tinggi dengan harga berpatutan.

Perniagaannya itu mendapat lesen berdaftar daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman (Perhilitan) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

Kebanyakan bekalan burung diperoleh daripada pembekal tempatan yang berlesen bagi memenuhi permintaan pelanggan.

"Dulu saya memang tak kenal pun jenis-jenis burung ni tapi sekarang bolehlah serba sedikit tahu, itu pun selepas anak yang banyak tunjuk ajar.

"Walaupun untuk dijual tapi haiwan di kedai ini saya dijaga dengan baik seperti anak sendiri kerana penjagaan kesihatan dan makanan perlu diutamakan.

"Haiwan pun ada macam-macam ragam maka sebab itu, saya rasa gembira dan seronok malah suasana kerja berbeza berbanding kerja makan gaji dulu," katanya.



Unggas yang dijual akan dijaga dengan baik termasuk memberi minum susu khas.



Burung Jenis Gouldian Finch antara yang mendapat permintaan tinggi pelanggan.